

Penggunaan PetaK dalam Memperkasakan Imbuan Pelajar

Hasnah Hassan

hasnah_hassan@moe.edu.sg
Sekolah Menengah First Toa Payoh

Noreen Mahmood

Noreen@acsbr.org
Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road)

Abstrak

Penguasaan imbuan yang lemah dalam kalangan pelajar sekolah menengah menjadi keprihatinan guru-guru. Kelemahan ini secara tidak langsung menjejaskan kelakonan mereka dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan. Permasalahan ini amat ketara di dua buah sekolah menengah. Kajian bilik darjah ini bertujuan untuk memperlengkap pelajar dengan teknik-teknik yang boleh digunakan pelajar untuk memilih penggunaan imbuan yang tepat. Untuk mencapai tujuan ini, kajian pengajaran telah dipilih sebagai wahana memperbaiki kelakonan pelajar dalam penggunaan imbuan di samping mengumpul data-data kuantitatif. Teknik Piramid PetaK atau Piramid Petanda Kontekstual telah digunakan dalam kajian ini untuk membantu pelajar-pelajar dalam kajian ini. Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Menengah 3 Sekolah Menengah First Toa Payoh dan Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road). Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian dalam kalangan pelajar yang menjadi subjek kajian.

Kata Kunci: Petanda Kontekstual - PetaK, Kajian Pengajaran, imbuan, kajian bilik darjah



PENGENALAN

Pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah mendapati belum mampu menguasai penggunaan imbuhan yang tepat. Kelemahan ini menjadi ketara dalam latihan dan juga ujian bahasa Melayu. Kelemahan ini juga turut terserlah dalam penilaian pelajar di peringkat sekolah mahupun di peringkat nasional. Berdasarkan dapatan awal, beberapa faktor yang menjadi penghambat penguasaan imbuhan ini telah dikenal pasti. Antaranya, kurangnya minat membaca dalam kalangan pelajar. Faktor ini juga menjadi cabaran kepada murid semasa mentafsir kosa kata dan memahami ayat dalam teks bacaan mereka. Satu bentuk teknik mentafsir kosa kata sukar telah dibentuk untuk membantu para pelajar Bahasa Melayu mentafsir apa jua kosa kata yang dijumpai dalam semua bentuk wacana bertulis.

Berdasarkan saranan yang telah disarankan oleh Dan Kurland, Mohammed Rhalmi dan Allen J. (2000), sebuah teknik yang berdasarkan Petanda Kontekstual (PetaK). PetaK boleh dicirikan dalam 3 bentuk yakni Imbuhan, Makna Kata, kata di sekitar Kosa Kata Sukar itu dan Sebab dan Akibat atau ringkasnya IMSak. Ketiga-tiga ciri PetaK ini boleh dicari secara berperingkat dalam Piramid PetaK. Kajian ini melibatkan para pelajar Menengah 3 Ekspres. Penggabungjalinan teknik PetaK dengan kaedah pengajaran yang interaktif dan menarik dilakukan demi memudahkan para pelajar mengerti konsep PetaK dan dapat membantu dalam pembacaan mereka. Teknik ini juga bertujuan untuk membantu dalam Kertas 2 peperiksaan Bahasa Melayu, komponen Imbuhan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. memperlengkapkan para pelajar dengan teknik-teknik yang boleh digunakan bagi memastikan pelajar mampu memilih imbuhan yang paling tepat berdasarkan fungsi imbuhan dan konteks ayat;
2. membantu para pelajar untuk mempelajari imbuhan dengan lebih menarik dan bermakna; dan
3. membantu pelajar menjawab soalan imbuhan dengan lebih yakin.



PERNYATAAN MASALAH

Pelajar masih menghadapi masalah untuk memilih imbuhan yang paling tepat berdasarkan petikan teks walaupun sudah diperkenalkan dan didedahkan dengan pelbagai bentuk imbuhan. Perkara ini menjadi satu keprihatinan apabila pelajar tidak mampu mencapai markah 100% lulus kerana kegagalan untuk menjawab soalan komponen Imbuhan. Secara tidak langsung, ini akan menjejaskan keseluruhan markah seseorang pelajar itu. Tambahan pula, sekiranya mereka asyik menggunakan imbuhan yang tidak tepat, ini menjejaskan kelancaran isi dan makna sesuatu perbualan atau informasi itu. Ini tentu akan menjejaskan tahap keyakinan seseorang pelajar semasa mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayunya. Pelajar juga tidak didedahkan dengan konsep yang jelas dan berdasarkan fungsi imbuhan yang ingin digunakan.

KAJIAN LEPAS

Nor Hashimah Jalaluddin (2010), dalam artikelnya 'Peluasan Makna Imbuhan Ber-: Analisis Semantik Kognitif' menjelaskan bahawa makna imbuhan beR- diuraikan dengan makna 'melakukan sesuatu ke atas diri sendiri', 'refleksif', 'perbuatan bersalingan', dan 'miliki'. Analisis ini dilakukan dengan merujuk kepada 5 juta data korpus UKM-DBP - akhbar (Utusan Malaysia, Berita Harian, Harakah), majalah dan buku, makna imbuhan beR- dicungkil secara mendalam. Perluasan makna dalam proses imbuhan berlaku secara sistematik. Proses sistematik ini mempunyai dua domain iaitu domain teras dan domain pingiran. Perbezaan domain-domain ini yang menyebabkan wujudnya perluasan makna terhadap imbuhan beR-. Mekanisme kognitif seperti skema imej perbuatan (pergerakan, refleksif, bersalingan, dan penghasilan), skema imej milikan, skema imej pasif, skema imej psikologi, dan skema imej kumpulan yang dapat digunakan untuk teknik menjawab komponen Imbuhan dengan lebih berkesan. Teknik ini diasaskan kepada konsep golongan kata.

Kartini Abdul Wahab (2013), dalam artikel beliau 'Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif Di- Berdasarkan Tiga Pendekatan Tatabahasa Generatif' berpendapat, terdapat tiga pendekatan dalam pembentukan struktur pasif di-. Pertama, permutasi iaitu operasi yang melibatkan pertukaran tempat antara subjek dan objek. Kedua, substitusi, yakni melibatkan penggantian



morfem meN- kepada morfem di-. Ketiga pula penyisipan kata preposisi 'oleh'. Dalam pendekatan pula, struktur pasif di- terbit dalam satu struktur dalaman yang sedia pasif. Para pengkaji mendapati struktur ayat pasif ini boleh digunakan untuk menerangkan konsep meN-...-kan.

Wong Shia Ho (2011), dalam artikelnya 'Ragam Ayat Dalam Refleksi Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) oleh Guru Pelatih PISMP Ambilan Januari 2009' telah mengkaji kesilapan yang dilakukan dalam penulisan ragam ayat. Kajian ini melibatkan bahan penulisan 19 orang guru pelatih. Sebanyak 95 buah skrip penulisan refleksi responden dianalisis kandungannya. Kajian Ragam ayat yang dikaji ialah ayat aktif transitif dan frasa kerja pasif dengan kata ganti diri pertama, kedua dan ketiga. Hasil Kajian mendapati bahawa sebahagian besar daripada mereka telah melakukan kesilapan ketika menulis ragam ayat ini terutamanya ayat aktif transitif dan ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga. Kesalahan yang paling banyak dilakukan ialah kesilapan binaan ayat aktif transitif, kedua ialah kesilapan frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri ketiga yang kebanyakannya mengikut gaya penulisan frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua. Kesilapan guru pelatih ini telah dibetulkan dengan ulasan yang diberikan. Cadangan turut dikemukakan oleh pengkaji untuk meningkatkan pemahaman guru pelatih tentang penulisan ragam ayat yang betul. Dapatan tentang kesilapan semasa menulis ini akan digunakan sebagai rujukan kepada guru pengkaji dalam merangka Kajian Pengajaran ini.

Wan Mohd Hanafi Bin Wan Mustaffa dan Rakiyah Binti Ali (2014), menulis dalam artikel 'Meningkatkan Penguasaan Penulisan Ayat Pasif Pelaku Diri Pertama dan Ketiga Melalui Kaedah LATUS Bagi Murid Tahun 5 Iman bahawa Kaedah LATUS ' yang dilaksanakan bermaksud kaedah yang dilakukan secara berulang-ulang sehingga prestasi murid dapat ditingkatkan. Kaedah LATUS telah dapat meningkatkan penguasaan murid dalam ayat pasif diri pertama dan ketiga. Membuat latihan yang sama secara berulang-ulang merupakan rangsangan yang digunakan setiap kali murid membuat latihan tubi. Melalui rangsangan ini, murid-murid secara tidak langsung dapat belajar mengenai ayat pasif pelaku diri pertama dan ketiga melalui latihan yang dilakukan secara berulang-ulang kali sehingga menjadi kebiasaan.



KAEDAH KAJIAN

Bagi melaksanakan kajian ini, Kajian Pengajaran telah dipilih sebagai wahana kajian yang utama. Dua buah sekolah iaitu Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road) dan Sekolah Menengah First Toa Payoh akan melaksanakan kajian ini bersama.

Subjek Kajian

Memandangkan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah ini amat sedikit, kajian ini akan melibatkan seramai 10 orang pelajar Menengah 3 Ekspres Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road) dan 4 orang pelajar menengah tiga ekspres Sekolah Menengah First Toa Payoh.

Instrumen Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan secara bertahap-tahap yang melalui proses tujuh tahap. Bermula dengan menetapkan matlamat, setelah itu perancangan yang melibatkan pembinaan rancangan pengajaran kajian dan pelaksanaan sistem sokongan. Setelah itu rancangan pengajaran kajian yang dibina bersama akan dilaksanakan. Pelaksanaan ini akan dilakukan dengan pemantauan yang akan dilakukan anggota kumpulan yang mempunyai peranan yang berbeza-beza. Setelah pengajaran dilakukan, anggota kumpulan yang berperanan sebagai pemantau akan memberikan ulasan berdasarkan peranan masing-masing. Setelah itu rancangan pengajaran kajian akan diperbaiki dan proses pengajaran dan pemantauan akan dilaksanakan sekali lagi.

PetaK atau *clues* dalam bahasa Inggerisnya, boleh dikesan oleh setiap pembaca dalam semua wacana bertulis. PetaK inilah yang boleh membantu para pembaca untuk mengagak imbuhan sesuatu kosa kata yang sukar itu. Petanda kontekstual tersebut boleh dikenal pasti melalui 2 tahap yakni dimulai dengan Kata, dan Ayat. Kesemuanya boleh dirangkumkan dalam sebuah rajah yang dipanggil (Piramid PetaK).



Rajah 1 - Piramid PetaK



Setelah menetapkan teknik yang menjadi sandaran kajian pengajaran, para pengkaji telah menyiapkan satu Rancangan Pengajaran Kajian (RPK) yang asas. RPK tersebut telah diubahsuai oleh kedua-dua sekolah berdasarkan profil pelajar kedua-dua sekolah.

Pemantauan merupakan ciri utama dalam proses Kajian Pengajaran. Tindak balas para pelajar terhadap pengajaran akan menjadi fokus utama untuk memastikan keberkesanan teknik yang diajar itu. Berdasarkan pemantauan kitaran pertama kajian ini, rakaman video telah dibuat di samping pemantauan oleh anggota pasukan Kajian Pengajaran. Hal ini membolehkan guru-guru yang bukan dari sekolah yang sama memantau secara maya. Semasa pemantauan dibuat, anggota pasukan Kajian Pengajaran telah mencatatkan tindak balas para pelajar terhadap pengajaran tersebut. Setelah pemantauan, para guru telah sama-sama duduk berbincang dan mengulas serta memberikan pandangan mengenai pemantauan kitaran pertama mereka melalui khidmat e-mel, *google.doc* dan *whatsapp*.

Anggota pasukan telah berkongsi dapatan pemantauan dengan tujuan untuk memperbaiki rancangan pengajaran bagi kitaran seterusnya. Anggota pasukan mendapati bahawa perisian *getkahoo.com* yang digunakan tidak memberi peluang kepada para pelajar setiap sekolah untuk menjawab dengan tenang. Justeru bagi Rancangan Pengajaran Kajian 2, setiap anggota pasukan bersetuju untuk menggunakan ICT sebagai wahana penyampaian latihan pengukuhan.

Setelah pemantauan dibuat, anggota pasukan telah berbincang



sekali lagi untuk mengulas sambutan para pelajar dalam kitaran kedua. Kali ini, respons para pelajar lebih memberangsangkan. Mereka kelihatan bersemangat dan mudah mengikuti pengajaran. Setiap latihan yang diberikan dapat diselesaikan dengan baik dan pantas. Mereka faham akan kehendak soalan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengumpulan data secara kuantitatif telah dilaksanakan di dua buah sekolah yang terlibat. Berdasarkan dapatan kajian Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road) dan Sekolah Menengah First Toa Payoh, para pelajar masih tidak mampu mencapai kelulusan 100% bagi komponen imbuhan dan penguasaan imbuhan pelajar. Untuk meneruskan pemantauan, satu ujian secara topikal telah dijalankan. Ujian ini dikhususkan untuk menilai penguasaan imbuhan pelajar. Setelah menjalankan analisis kesalahan ujian diagnostik, kami dapati bahawa imbuhan yang telah ditapis untuk dibuat kajian ialah beR-...-kan; akhiran 'i', meN-...-kan dan beR-...-an. Maka Rancangan Pengajaran 1 (RP1) dijalankan. Dalam aktiviti *online*, ramai pelajar tidak dapat menjawab soalan mengenai beR-...-kan.

Aktiviti utama ini untuk menilai sejauh mana pengetahuan para pelajar tentang pola ayat, fungsi imbuhan yang akan dikaji, dan struktur ayat. Kami masih menggunakan teknik PetaK yakni menyerlah dengan menggunakan susunan piramid 'Kata' bermaksud golongan kata dan diikuti dengan 'Ayat' bermaksud ragam ayat. Menganalisis kata dengan meneliti susunan kata dalam ayat untuk memastikan golongan kata itu. Kemudian meneliti ayat untuk membezakan imbuhan yang akan dipilih. Setelah pengkaji saring iaitu hanya imbuhan beR-...-kan yang memerlukan pengajaran seterusnya, Rancangan Pengajaran 2 (RP2) dijalankan. Ternyata dengan berfokus kepada hanya satu imbuhan, para pelajar dapat menjawab soalan mengenai beR-...-kan dengan lebih baik peratusan kelulusannya dibandingkan daripada Rancangan Pengajaran 1. Sila teliti dapat carta di bawah ini:

KESIMPULAN

Dengan menggunakan teknik PetaK iaitu Kata dan Ayat, para pelajar lebih



mudah dan yakin dalam menjawab soalan komponen imbuhan. Dengan sokongan ciri-ciri Piramid Petak dan fungsi imbuhan, tumpuan pelajar lebih terjurus dalam mengesan PetaK. Teknik-teknik yang dikemukakan dalam pengajaran telah mempertingkatkan prestasi para pelajar. Alat bantu mengajar seperti perisian *online getkahoot.com* dan *padlet.com* pula telah berjaya menarik minat pelajar untuk menghayati konsep PetaK dengan lebih berkesan dan menjawab soalan dengan lebih yakin. Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah menepati objektif kajian. Sebagai susulan kajian, para pengkaji berharap mereka dapat meneruskan kajian dengan lain imbuhan agar para pelajar dapat menggarap konsep imbuhan dengan lebih baik dan bermakna.

Nota:

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian ini

1. Muhammad Firdaus Rahmat
2. Nurul Ariqafitri Jumari
3. Norhashikin Salim

RUJUKAN

Kartini Abdul Wahab (2013). Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif Di- Berdasarkan Tiga Pendekatan Tatabahasa Generatif. Dipetik pada 21 Feb 2015.

Nor Hashimah Jalaluddin dan rakan-rakan (2010). Peluasan Makna Imbuhan Ber-: Analisis Semantik Kognitif. Dipetik pada 14 Jan 2015.

Nor Hashimah Jalaluddin (2009). Penelitian Makna Imbuhan Pen- Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Rangka Rujuk Silang. Dipetik pada 21 Feb 2015.

Wan Mohd Hanafi Bin Wan Mustaffa dan Rakiyah Binti Ali (2014). Meningkatkan Penguasaan Penulisan Ayat Pasif Pelaku Diri Pertama dan Ketiga Melalui Kaedah LATUS Bagi Murid Tahun 5 Iman. Dipetik pada 21 Feb 2015.

Wong Shia Ho (2011). Ragam Ayat Dalam Refleksi Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) oleh Guru Pelatih PISMP Ambilan Januari 2009. Dipetik pada 21 Feb 2015.

